

Headline	Mewah hasil nangchem		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	02 Dec 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	62,927
Page No	49	Readership	188,781
Language	Malay	ArticleSize	516 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 17,787
Frequency	Daily	PR Value	RM 53,361



**Patrick Bana (kiri) membungkus nangchem bagi mengelak daripada diserang lalat buah** sambil diperhatikan bapanya, Bana Japang dan Antalai (kanan) di Rh Patrick Bana, Bintulu.



FAMA sangat membantu pekebun nangchem di sini. Mereka membeli beberapa tan nangchem dan ia memberi pulangan lebih lumayan berbanding kelapa sawit”

**Patrick Bana,**  
Pekebun

# Mewah hasil nangchem

➔ Warga Rh Patrick Bana berjaya buka ladang pokok kacukan cempedak nangka

► **Bintulu**

**P**eribahasa ‘cempedak dah ja-di nangka’ sering diguna pakai untuk menggambarkan sesuatu yang telah berlaku dan tidak dapat diubah.

Peribahasa itu bagaimanapun kurang sesuai digunakan di sekitar kawasan Sungai Serakit, di sini, kerana penduduk di situ hidup senang hasil tanaman cempedak nangka.

Penduduk dari Rumah (Rh) Patrick Bana, rumah panjang 48 pintu yang dihuni lebih 300 penduduk di Sungai Serakit, berjaya menanam baka kacukan nangka dan cempedak atau dikenali sebagai nangchem di tanah seluas 48 hektar (120 ekar), serta boleh disifatkan sebagai paling berjaya di Sarawak.

Seorang pekebun, Patrick Bana, 79, berkata penanaman nangchem di kawasan itu hasil kerjasama penduduk Rh Patrick Bana, dengan Jabatan Pertanian Sarawak sejak 2000.

“Benih nangchem dibekalkan Jabatan Pertanian Sarawak. Buah ini memberi pendapatan lumayan kepada penduduk di kawasan ini.

“Rata-rata penghuni di rumah panjang 48 pintu ini menyertai skim ladang kontrak nangchem.

## Sentiasa berbuah

“Nangchem yang sudah masak kami jual kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). FAMA beli pada harga RM2 sekilogram, ada juga nangchem yang kami jual terus kepada pelanggan di sekitar kawasan ini,” katanya.

Bana, bekas tuai rumah itu berkata, nangchem sedap dengan rasa lemak dan manis kerana memiliki tekstur nangka dan cempedak.

“Nangchem tidak bermusim, sentiasa mengeluarkan hasil dan setiap kali tuaian, lima tan hasil diperolehi.

“FAMA sangat membantu pekebun nangchem di sini. Mereka membeli beberapa tan nangchem dan ia memberi pulangan lebih lumayan

berbanding kelapa sawit,” katanya yang mengusahakan kebun itu bersama anak dan pekerja.

## Promosi keunikan nangchem

Bana yang menanam lebih 100 pokok nangchem berkata, kejayaan penanaman nangchem di kawasan itu memberi peluang kepadanya menghadiri Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Antarabangsa (MAHA) beberapa tahun lalu untuk mempromosikan keunikan nangchem.

Seorang lagi pekebun, Antalai Sulau, 60, berkata tidak sukar menanam nangchem kerana bentuk muka bumi serta tanah di situ sesuai dengan tanaman itu.

“Nangchem pernah cuba ditanam di beberapa lagi kawasan sekitar, namun kurang menjadi. Mungkin disebabkan kawasan ini berbukit, ia hidup subur dan mengeluarkan hasil yang baik.

“Tidak sukar untuk menanam nangchem, tetapi perkara asas seperti membaja, meracun perlu juga dibuat. Paling utama buah perlu dibungkus kerana kadangkala ada lalat buah yang boleh merosakkan nangchem,” katanya. **BERNAMA**



**Antalai menunjukkan buah nangchem yang baru dituai di kebunnya.**